

BAH

MALAYSIA BELUM CADANG GUNA NUKLEAR UNTUK MENJANA ELEKTRIK
Mahathir - Nuklear

BANGI, 3 Okt (Bernama) -- Malaysia tidak akan menggunakan nuklear' untuk menjana elektrik selagi empat cara yang diguna untuk menghasilkan bekalan tenaga masih boleh digunakan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, dasar kerajaan sekarang ialah menggunakan hidro, gas, minyak pembakar dan arang batu untuk menjana elektrik dan ia tidak termasuk kaedah nuklear .

+Tidak akan ada loji nuklear sehingga kita sudah tiada cara lain untuk menjana elektrik,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus khas kontraktor binaan bumiputera di Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM), di sini.

Perdana Menteri mengulas satu cadangan supaya Malaysia membina loji nuklear bagi mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik secara besar-besaran seperti yang dialami baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata, gangguan bekalan elektrik juga boleh berlaku walaupun menggunakan loji nuklear. -- Lagi

▼09/10/14-33MST

CNS4613

R GB 03-10 00067 BH517

BAH

Mahathir - Nuklear 2 (Akhir) Bangi

Beliau menceritakan pengalamannya yang terpaksa bergelap sebanyak dua kali ketika berada' di New York apabila bandaraya itu dan seluruh kawasan timur laut Amerika Syarikat mengalami gangguan bekalan elektrik.

Dalam keadaan itu, beliau terpaksa turun dengan tangga dari tingkat yang tinggi untuk mendapatkan makanan kerana dapur terletak di tingkat bawah. -- Bernama

▼09/10/14-35MST

▼09/10/15-41MST

U GB 09-10 00151 BB921

bah

Mahathir - Nuklear 3 Bangi (sambungan)

Di BUTTERWORTH, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata mesyuarat kabinet Rabu lepas memutuskan bahawa Malaysia tidak akan mengadakan sebuah loji seumpama itu.

Jemaah menteri berpendapat: penggunaan kuasa tenaga nuklear tidak sesuai di Malaysia kerana faktor alam sekitar dan terdapat opsyen lain bagi penjanaan. kuasa, katanya pada persidangan akhbar selepas melawat Stesen Jana Elektrik Perai di sini hari ini.

+Masalah pernbuangan sisa nuklear masih dihadapi oleh negara-negara Barat walaupun operasi pusat janakuasa nuklear telah lama dijalankan,+ katanya.

Samy berkata, selain masalah utama pemduangan sisa nuklear, kerajaan juga berpendapat pusat seumpama itu akan menghadapi masalah bagi mendapatkan bekalan bahan api yang diperlukan.

Mengenai pusat janakuasa di Perai, beliau berkata ia mampu membekal 450 megawatt.

Ini menggunakan minyak tetapi akan bertukar kepada gas sebagai bahan apinya. -- Bernama

▼09/10/15-02MST